

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk melaksanakan mekanisme antilompat parti dan sama ada kerajaan bersetuju dengan kaedah '*recall election*'.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk mewujudkan suatu peruntukan undang-undang berkaitan anti-lompat parti merupakan salah satu daripada Agenda Transformasi Kerajaan yang bertujuan memastikan reformasi dan pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan.

2. Pewujudan Undang-Undang ini juga merupakan antara intipati penting di dalam Memorandum Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan telah ditandatangani pada 13 September 2021. Dalam hal ini, Kerajaan komited untuk memastikan undang-undang berkaitan anti-lompat parti yang akan digubal dapat melindungi hak rakyat negara ini. Undang-

undang berkaitan anti-lompat parti ini dijadual akan dibentangkan dalam Parlimen selewat-lewatnya Julai 2022.

3. Selaras dengan perkara ini dan mengambil kira kewajaran untuk pembentangan dilaksanakan secepat mungkin, Kerajaan akan memastikan sesi libat urus yang menyeluruh diadakan bersama pihak berkepentingan, badan bukan Kerajaan, ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta rakyat agar Rang Undang-Undang baharu yang diperkenalkan mengambil kira pandangan menyeluruh serta mendapat sokongan semua pihak. Sesi libat urus ini juga akan memastikan hala tuju dan parameter gubalan undang-undang ini dapat ditetapkan serta tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang lain yang berkuat kuasa termasuk di peringkat negeri.

4. Buat masa ini, Kerajaan sedang mengkaji undang-undang yang digunakan di peringkat Negeri, termasuk kes Mahkamah yang berlaku di beberapa negeri melibatkan pelaksanaan perundangan berkaitan lompat parti.

5. Selain itu, Kerajaan turut meneliti model perundangan beberapa buah negara seperti India, Singapura, New Zealand dan United Kingdom melibatkan peruntukan lompat parti. Dapatan daripada kajian ini akan dibincangkan melalui sesi libat urus bi-partisan yang dijangka diadakan pada penghujung bulan November 2021. Satu kaji selidik awam juga sedang dilaksanakan untuk mendapatkan pandangan rakyat mengenai cadangan gubalan Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]** minta **MENTERI KESIHATAN** memberikan senarai *Healthcare Organiser* (HCO) yang terlibat dalam PICK serta bayaran kepada setiap satu termasuk pecahan kos mengikut kategori aktiviti.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Bagi mempercepatkan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menggerakkan ProtectHealth Corporation, iaitu sebuah anak syarikat milik penuh KKM untuk bertindak sebagai penyelaras bagi mendapatkan khidmat pengamal perubatan swasta untuk melaksanakan vaksinasi.
2. Dalam hal ini, sebanyak 231 syarikat pengamal perubatan swasta (*Healthcare Organiser* - HCO) dan NGO Kesihatan telah dilantik oleh ProtectHealth untuk memberikan perkhidmatan vaksinasi di 194 buah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara. PPV ini adalah merujuk kepada PPV Mega / Integrasi, PPV Astra Zeneca, PPV jangkau luar (*outreach*) dan PPV Bergerak (*mobile*).
3. Berkaitan kadar bayaran, pengamal perubatan swasta (HCO) yang terlibat dalam PICK menerima RM14 bagi setiap dos vaksin yang diberikan.
4. Sehingga 1 Disember 2021, ProtectHealth telah membayar sebanyak RM248,215,940 kepada 129 HCO terbabit dengan jumlah pemberian vaksin sebanyak 17,729,710 dos. Sekian, terima kasih